



**PERBAHATHAN
PARLIMEN**

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2957]

USUL²:

Undang² Kewangan, 1967: Undang² Chukai Perolehan, 1965, Jadual Ketiga—Pindaan dengan menambah "Borneo Airways Limited". [Ruangan 2992]

Perlantikan Ahli² di-Dalam Court Universiti Malaya [Ruangan 2993]

RANG UNDANG²:

The National Service (Amendment) Bill [Ruangan 2994]

The Asian Development Bank (Amendment) Bill [Ruangan 3000]

Rang Undang² Perbekalan Tambahan (No. 2) (1966) [Ruangan 3005]

Jawatan-kuasa:

Kepala S. 20 [Ruangan 3007]

Kepala S. 64 [Ruangan 3007]

The Petroleum (Income Tax) (Amendment) Bill, 1967 [Ruangan 3009]

The Registration of Business (Amendment) Bill [Ruangan 3013]

The Road Traffic (Amendment) (No. 2) Bill [Ruangan 3014]

The Medical Registration (Sarawak) (Amendment) Bill [Ruangan 3029]

PENANGGOHAN (USUL) [Ruangan 3031]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 15hb November, 1967

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

- Yang Berhormat TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jeraí).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jejebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

- Yang Berhormat TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMMAD GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ O.K.K. DATO' ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

- Yang Berhormat **TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN** (Ulu Kelantan).
- .. **TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN**, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- .. **TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR**, P.M.N. (Johor Tenggara).
- .. **TUAN THOMAS KANA**, K.M.N. (Sarawak).
- .. **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA** (Sarawak).
- .. **TUAN LEE SECK FUN**, K.M.N. (Tanjong Malim).
- .. **TUAN AMADEUS MATHEW LEONG**, A.D.K., J.P. (Sabah).
- .. **DATO' LING BENG SIEW**, P.N.B.S. (Sarawak).
- .. **DR LIM CHONG EU** (Tanjong).
- .. **TUAN PETER LO SU YIN** (Sabah).
- .. **ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD** (Sabah).
- .. **TUN DATO MUSTAPHA BIN DATU HARUN**, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- .. **TUAN QUEK KAI DONG**, J.P. (Seremban Timor).
- .. **TUAN D. R. SEENIVASAGAM** (Ipoh).
- .. **DATO' S. P. SEENIVASAGAM**, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- .. **PENGIRAN TAHIR PETRA** (Sabah).
- .. **DR TAN CHEE KHOON** (Batu).
- .. **TUAN TAN CHENG BEE**, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. **TUAN TAN KEE GAK** (Bandar Melaka).
- .. **TUAN YEH PAO TZE**, A.M.N. (Sabah).
- .. **TUAN STEPHEN YONG KUET TZE** (Sarawak).

DO'A (PRAYERS)

(Mr Speaker *in the Chair*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAN²

PARTICIPATION OF ISRAELI SPORTSMEN IN THE ASIAN ATHLETIC MEET, KUALA LUMPUR

1. Tuan Kadam anak Kiai (Sarawak) [*under S.O. 24 (2)*] asks the Prime Minister whether he is aware that his statement against the participation of Israeli sportsmen in the Asian Athletic Meet in Kuala Lumpur may create the impression to the outside world that Malaysia is bringing politics into sport.

Perdana Menteri: Dengan kebenaran, Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab dalam bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, it has always been our policy to keep politics away from sport and we have maintained that attitude all the time, but that is always provided that everything is well in the sporting world as well as in the political world.

However, we regard, unfortunately, that the participation of Israel in this Asian Athletic Meet here would embarrass us very severely with our Muslim friends, in particular with the United Arab Republic, who consider themselves the victim of Israeli aggression and their case has also gained world-wide support, in particular among the Muslim countries and also the Afro-Asian countries. So, we cannot, unfortunately, entertain the Israelis here without incurring the displeasure of those countries. We ourselves have shown our sympathy for the Arabs and it would be wrong, therefore, while we are expressing our sympathy for the

Arabs, for us to entertain the Israelis in the field of sport or in other social activities. So, it is for this reason that we feel that we are not able to host this Asian Athletic Meet in Malaysia. We would rather that some other country host it. This is done out of respect for sport and also at the same time to try and maintain our friendly relations with the Afro-Asian nations.

JUMLAH WANG YANG TERKUMPUL DALAM PERBADANAN WANG SIMPANAN BAKAL² HAJI

2. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan) minta kepada Perdana Menteri menerangkan sa-takat ini:

- (a) berapa-kah jumlah yuran yang terkumpul dalam Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji, dan
- (b) berapa jumlah faedah yang telah di-perolehi dan untuk apa-kah wang faedah tersebut di-gunakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji tidak mengutip mengikut chara peratoran sekian² banyak kena di-bayar, chuma-nya sa-siapa yang membayarkannya tidak boleh bayar kurang daripada \$1. Jadi jumlah wang simpanan yang telah di-kutip dari tarikh lahir-nya Perbadanan ini daripada bulan September 1963 sa-hingga akhir bulan September 1967, ia-lah \$7,632,300. Penyimpan² Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji ini telah berjumlah 34,300 orang.

Bagi soalan (b)—Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji tidak menerima wang faedah, tetapi wang yang di-kutip itu di-permodalkan di-sharikat² yang terkenal dengan chara membeli saham² dan juga share² yang di-sahkan oleh perbadanan itu dan oleh ugama. Jadi Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji juga membeli tanah dan banguan² untuk di-sewakan.

Wang² yang belum di-permodalkan atau yang berlebihan di-simpan didalam Bank Negara Malaysia di-mana Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji akan menerima bonus. Sa-hingga masa ini Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji telah menerima pendapatan yang terdiri daripada dividend² dari-

pada bonus² dan daripada sewa rumah ia-itu sa-banyak \$587,000 dan ini adalah lebeh dua kali ganda daripada jangkauan Jawatan-kuasa Kebajikan Ekonomi Bakal² Haji yang telah melahirkan Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji.

Pendapatan ini di-gunakan untuk mengeluarkan bonus kepada penyimpan² yang berkelayakan, ia-itu penyimpan² yang modal-nya banyak di-dalam Penyimpanan Wang Haji itu.

Jadi, bagi tahun 1966 Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji telah mengeluarkan bonus sa-banyak tiga persen di-atas wang simpanan itu.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Ada-kah Kerajaan berchadang hendak menimbangkan satu peratoran kepada pekerja² orang Islam supaya di-kenakan satu pemotongan yang tetap sa-bagaiman di-buat kepada E.P.F. dengan tujuan supaya semua orang Islam boleh naik haji dengan melalui saloran Tabong Haji ini, dengan tujuan hendak membanyakkan ahli dan kumpulan wang dalam Tabong Haji itu.

Perdana Menteri: Saya nampak sa-bagai memaksa orang² menyimpankan wang itu tiada dapat di-luluskan. Jadi dengan kerana itu-lah peratoran penyimpanan wang ini telah pun di-luluskan simpan sampai sa-banyak \$100 sa-bulan. Jadi siapa² juga yang suka hendak simpan sa-banyak \$100 sa-bulan dapat di-terima, tetapi ini tidak dapat-lah kita hendak paksakan orang² itu dengan chara simpan dengan chara di-paksa.

PERANCHANGAN KELUARGA

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri apakah langkah² yang telah di-jalankan sa-takat ini oleh Kerajaan untuk membantu orang² kampung di-seluruh negeri dalam Malaysia Barat dalam usaha-nya menggalakkan Peranchangan Keluarga; apa-kah jenis² penchegeh penghamilan yang telah di-gunakan dan terangkan, mengikut angka yang ada, berapa ramai orang yang telah pergi ka-Pusat² Peranchangan Keluarga di-seluruh negeri untuk mendapatkan nasehat.

Perdana Menteri: Soal ini berkenaan dengan Family Planning. Jadi yang saya tahu Family Planning ini di-jual pil² kepada orang menerusi Pejabat² Kesihatan di-mana² sahaja pejabat² itu.

Pil yang di-jual itu ia-lah dengan harga \$1 dan jikalau di-beli di-luar tempat kena bayar \$2 dan kena bayar \$2.50. Jadi itu satu perkara yang di-buat untuk hendak menahan orang² daripada beranak.

Nombor dua berikan penerangan macham mana hendak tahan tidak boleh bagi beranak, tetapi yang itu nampak-nya tidak berapa maju (*Ketawa*).

Nombor tiga ada apa sebutan Melayu, tetapi dalam bahasa Inggeris-nya di-katakan "Intra-Utrine Device". Saya pun tidak tahu apa ma'ana-nya, itu pun di-jual juga. Itu di-bagi sahaja. Kalau kena beli terpaksa di-bayar sampai \$25 satu device itu. Lagi satu itu-lah benda-nya yang di-buat dengan getah itu (*Ketawa*).

Yang itu di-dapati report, isteri pun tidak suka, suami pun tidak suka (*Ketawa*). Jadi yang itu langsung tidak dapat hendak di-majukan. Jadi mengikut statistic yang kita terima ada-lah 3,160 orang² baharu bagi bulan Ogos dan 3,930 orang bagi bulan September yang datang mendapatkan perkhidmatan Peranchangan Keluarga daripada kelinik² Lembaga dan Persatuan².

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Ada-kah Kerajaan sedar bahawa Kerajaan Singapura telah menghalalkan *abortion* atau menggugorkan anak dan ini tidak-lah melibatkan ra'ayat Malaysia yang berhampiran seperti negeri Johor yang akan mengambil faedah daripada apa yang telah di-jalankan oleh Singapura itu.

Perdana Menteri: Berkenaan abortion, Tuan Speaker, kita tidak luluskan, tidak halalkan. Jadi kalau orang Johor hendak pergi menompang penyakit itu di-Singapura terpulang kepada dia-lah (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Daripada jawapan yang Teramat Mulia Perdana Menteri, usaha²

untuk Peranchangan Keluarga ini ada-lah pil², atau alat² lain di-gunakan hanya kepada perempuan sahaja. Adakah di-dalam ranchangan keluarga ini ada alat² lain untuk di-gunakan bagi laki² pula?

Perdana Menteri: Jadi bagaimana saya cherita tadi, ada dua. Satu, saya cherita ia-itu getah di-pakai (*Ketawa*). Jadi laki² tidak suka yang pakai itu. Ada yang sudah potong kepala masuk jawi dia kata (*Ketawa*). Dia kata orang Islam tidak halalkan kulit² yang lebeh² itu. Jadi di-potong—buang. Jadi yang ini tidak maju nampak-nya.

Nombor dua, ada operation, Jadi orang laki² tidak suka juga hendak pergi *operation* ia-itu potong urat. Kalau dia mahu boleh juga selamat juga tidak dapat beranak.

Tuan Lim Kean Siew (Dato Kramat): Mr Speaker, Sir, may I have your permission to ask a supplementary question in English?

Mr Speaker: Banyak sungguh soalan² atas perkara ini, lebeh maju daripada Ranchangan Luar Bandar (*Ketawa*).

Tuan Lim Kean Siew (Dengan izin): Perhaps, the Honourable Prime Minister can inform this House how effective family planning has been in the rural areas, and whether or not the Government has any statistics to show whether or not it has been effective.

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, the statistics which I read out just now was that in August 3,160 people visited the clinics for this and for last September the figure was 3,930. Obviously, the number has increased. So, there has been a certain amount of success, I must say.

Tuan Lim Kean Siew: My question was to what degree does the Government know within the past year or so?

Perdana Menteri: I am afraid I would not be able to answer that question.

Perhimpunan UMNO itu sampai hari ini dengan bantuan yang akan kita hulorkan kepada Brunei?

Perdana Menteri: Tuan Speaker, saya tidak dapat cerita di-sini, tetapi dapat-lah saya kata tidak ada, *official reaction* tidak ada.

ADMISSION OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA INTO THE UNITED NATIONS

8. Tuan Lim Kean Siew [*under S.O. 24 (2)*] (*Dengan izin*) asks the Minister of Foreign Affairs if he is aware of the call by Senator Saidon Kechut for the admission of the People's Republic of China into the United Nations at the 18th Annual Delegates Conference of UMNO Youth. If so, whether he will review the stand of the Alliance Government on this matter.

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, I am sure the Honourable Member is already aware that it has always been the policy of this country to fight for the admission of China into the United Nations, but the admission of China must not be prejudicial to the position of the other China, Taiwan, that is, it must not be on condition that the other China should vacate its place for the People's Republic of China. That has always been our policy and we maintain it right up to this day.

Tuan Lim Kean Siew: Will the Honourable Prime Minister inform this House what the Government's attitude would be with regard to the seat in the Security Council, because if Mainland China were admitted into the United Nations, the question of the Security Council seat would then come into question?

Perdana Menteri: As I said, the admission of China must not be prejudicial to the position of the other China. With regard to the question put by the Honourable Member just now, I would say that that is a question which we will cross when we come to the bridge. I think it is too early for me to answer that particular question.

Tuan Lim Kean Siew: Does this House take it that the Government still maintains the attitude that there are two Chinas?

Perdana Menteri: Well, whether we agree with it or not, there appears to be two Chinas. In fact, now there appears to be three; there is a third China too. (*Laughter*).

MEDAL² YANG DI-ANUGERAHKAN KEPADA ANGGOTA² POLIS

9. Tuan Mustapha bin Ahmad [*under S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa-kah maseh banyak lagi "Medal²" yang di-anugerahkan kepada anggota² atau bekas² anggota² Polis biasa dan Polis Khas belum di-serahkan kepada mereka yang berkenaan; dan berapa banyakkah medal² itu yang belum di-ambil di-masing² negeri di-Malaysia Barat ini.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya apa yang di-maksudkan oleh Yang Berhormat dengan medal² itu ia-lah General Service Medals yang di-keluarkan oleh Kerajaan British untok Anggota² Polis atau bekas Anggota Polis Biasa atau Polis Khas yang bertugas sa-kurang²-nya tiga bulan dalam tempoh 16hb Jun, 1948 hingga 31hb Ogos, 1967.

Jumlah pingat yang di-terima dari Kerajaan British ia-lah 103,338 dan sa-hingga hari ini jumlah yang di-keluarkan ia-lah 47,437. Baki dalam simpanan ia-lah 55,901.

Berbagai² usaha telah di-jalankan dari sa-masa ka-samasa melalui surat² khabar, radio, talivishen serta saloran² Perkhidmatan Polis untok mereka² yang layak menerima, atau waris-nya membuat permohonan mendapatkan pingat² yang maseh belum di-tuntut itu.

Penting di-ma'alumkan bahawa walau pun nama dan nombor² mereka ada tertera di-atas pingat² itu, kebanyakan mereka telah tidak dapat di-hubongi dengan sebab² berikut:

- (i) Kebanyakan mereka waktu bertugas pada masa dharurat dahulu

telah tidak mempunyai 'alamat tetap, atau telah pindah ka-tempat yang lain.

- (ii) Sa-bilangan besar dari mereka² yang berbangsa India/Pakistan telah kembali ka-negeri asal mereka.
- (iii) Sa-bilangan pula mungkin telah meninggal dunia dan waris² mereka telah tidak dapat di-hubongi.

TUNJOK PERASAAN OLEH MAHASISWA² UNIVERSITI DI-HADAPAN IBU PEJABAT KERAJAAN SELANGOR TERHADAP PENANGKAPAN HAMID TUAH

10. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memandang kapada tunjok perasaan yang di-adakan baharu² ini oleh mahasiswa² Universiti di-hadapan Ibu Pejabat Kerajaan Selangor kerana membantah terhadap Kerajaan Selangor atas penangkapan Hamid Tuah.

- (a) Apa-kah hubungan di-antara mahasiswa² itu dengan perbuatan haram Hamid Tuah;
- (b) Jika tidak ada hubungan, adakah Kerajaan sedar bahawa tunjok perasaan itu telah di-lakukan dengan hasutan anasir² sabersib; dan jika sedar, sama ada Kerajaan akan menimbang mengambil tindakan terhadap anasir² jahat ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum Hamid Tuah di-tangkap dan di-tahan tiada keterangan yang ia-nya ada kaitan dengan anasir² atau pun yang ada kaitan di-antara mereka dengan orang² yang di-luar. Hanya sa-lepas penangkapan-nya penuntut² itu telah di-ketahui membuat lawatan kapada pengikut²-nya dan kes Hamid Tuah itu mendapat perhatian mereka. Pada masa ini belum ada bukti² menunjukkan tunjok perasaan oleh mahasiswa² Universiti Malaya di-hadapan Ibu Pejabat Kerajaan Selangor itu telah di-lancarkan dengan hasutan anasir² sabersib. Walau bagaimana pun Kerajaan sedang memerhatikan perkembangan dalam

perkara ini supaya penuntut² Universiti itu tidak di-pergunakan oleh anasir² sabersib untok tujuan jahat mereka itu.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Memandang kapada aktivi² University Student champor tangan dalam pentadbiran Kerajaan termasuk ketua²-nya sa-kali, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengenakan balek Sijil² Kelayakan yang telah di-tarek dan ada-kah student² ini sedar bahawa Universiti itu di-tadbirkan oleh wang orang ramai.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Universiti ini ada-lah satu Perbadanan yang berasingan yang berdasarkan kapada satu Undang² Tuboh Pertubohan-nya, maka masaalah soalan sama ada perkara yang di-tuntut, di-pohon oleh Yang Berhormat itu boleh di-makbulkan ter-pulang-lah kapada badan yang me-nguruskan pertubohan ini.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maseh ada lagi mahasiswa² dari Univer-siti ini menunjukkan perasaan dengan satu² perkara yang tidak puas hati dalam masyarakat dalam negeri ini, apa-kah Kerajaan tidak berfikir untok menutup Universiti dalam negeri ini jangan ada lagi.

Mr Speaker: Itu bukan soalan tam-bahan—itu fikiran sahaja.

PERMINTAAN HAMID TUAH SUPAYA DI-HANTAR BALEK KA-INDONESIA

11. Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut) bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah keputusan yang telah di-buat oleh Kementerian ini berhubong dengan permintaan yang di-buat oleh Hamid Tuah supaya ia-nya di-hantar pulang ka-Indonesia, saperti mana kenyataan yang di-keluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor baharu² ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, ada permohonan yang telah di-buat oleh Hamid Tuah pada tahun 1964 supaya dia di-usirkan

kata-nya balek ka-Indonesia, tetapi oleh kerana beberapa sebab permohonan ini telah tidak di-beri pertimbangan. Satu daripada sebab-nya yang tidak ada pertimbangan di-ambil ia-lah pada masa permohonan ini di-buat. Kerajaan kita ada-lah berkonfrantasi dengan Kerajaan Indonesia di-dalam masa mana perhubungan diplomatik telah terputus dan dengan ini mustahillah boleh di-usirkan dia daripada negeri ini. Jalan yang chuma ada menghantar dia balek pada masa itu ia-lah melalui perahu² panjang yang dipakai oleh orang² yang menyeludop ka-negeri ini daripada Indonesia, tetapi Kerajaan yakin bahawa orang² ini tidak harus bersetuju membawa ia balek ka-Indonesia, kerana Hamid Tuah tidak ada kertas² kenyataan menunjokkan ia ada-lah sa-orang yang datang, yang dudok di-Indonesia.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, memandang kepada ada sa-buah Kerajaan Negeri dalam Malaysia ini hendak mengambil Hamid Tuah ini, ada-kah Kerajaan hendak melepaskan dia pergi ka-negeri itu dan saya dengar Kerajaan Negeri ini yang mewah dengan tanah; memberi tanah kepada siapa sahaja yang boleh mengerjakan tanah seperti Hamid Tuah ini yang boleh mentadbirkan, atau mengerjakan tanah dengan tidak mengikut undang².

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Hamid Tuah masa ini ada-lah di-dalam tahanan dibawah Undang² Restricted Residence dan masa-lah soalan sama ada di-buang dia, atau pun tidak, kalau di-buang ka-mana, ada-lah terpulang sa-mata² kepada Kerajaan Negeri menetapkan-nya. Tinggal lagi kalau sa-kira-nya ada permohonan daripada satu Kerajaan Negeri hendak menerima Hamid Tuah barangkali itu pun satu perkara yang boleh mendapat pertimbangan Kerajaan Negeri yang berkaitan.

LANGUAGE TEST FOR APPLICANTS FOR CITIZENSHIP

12. **Tuan Lim Kean Siew** [*under S.O. 24 (2)*] (*dengan izin*) asks the Minister of Home Affairs to state if he

is aware that there have been allegations in the Chinese and Indian press that the language test for applicants for citizenship consists of such questions as—

- (a) the name of the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong;
- (b) the name of a Minister and that of his wife, etc.,

if so whether he agrees that these questions are a test of one's general knowledge and should never have been asked at such language tests and that being the case whether he will order examining officers to desist from asking such questions, if not, whether he will give a list of the questions asked.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Mr Speaker, Sir, I am not aware of any such complaints. The purpose of the language test is purely to determine whether a person applying for citizenship has a knowledge and understanding of the Malay, English or native language as may be required under the relevant Article of the Constitution, and is able to express himself with reasonable efficiency in that language. The language test is not intended to be a test of the applicant's general knowledge. If an applicant has failed in the language test, it is not because he does not know the correct answer to the question, but because he has not understood the question for lack of sufficient knowledge of the language in which the question had been put to him. Even if the questions mentioned by the Honourable Member had been asked, there is nothing, to my mind, irregular or improper about them because it is not the accuracy of the answers but the way the answers are given that will be taken into account by the Language Board.

Tuan Lim Kean Siew: Is the Honourable Assistant Minister aware that in fact the names of wives of Ministers have been asked in the language tests, and does he intend to issue a circular informing the testers that it is unnecessary?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, it is not a question of whether the examinee knows the names of the wives of the Ministers. As I explained just now, the test is whether he would be in a position to say whether he knows or he does not know the reply to the question asked.

Tuan Lim Kean Siew: Can the Honourable Assistant Minister inform this House that the examiners are so unimaginative that they cannot ask any other questions?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, it is not possible to tie the examiners to a set of fixed questions; he can ask any questions he likes so long as it is possible for him to ascertain very carefully whether or not the examinee understands the question, and whether or not the examinee can reply to the question put to him. That is the crux of the whole matter.

Tuan Lim Kean Siew: Could the Honourable Assistant Minister inform this House why is it then that the examiners are so obsessed with the names of wives of Ministers that they should keep asking those questions?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: If that be the case, we may even ask the examiners to ask questions whether the examinees know the names of Opposition Members. (*Laughter*).

Tuan Lim Kean Siew: Mr Speaker, Sir, I do not think that is necessary, nor is it warranted (*Laughter*). I do not think it is necessary even to know the name of the wife of the Prime Minister. In fact, I do not know the name of the wife of the Prime Minister and I do not think it is my business to find out about his private life.

OUTSTANDING DEBT OF THE FEDERATED MALAY STATES SINCE 1935

13. Tuan Kadam anak Kiai [under S.O. 24 (2)] asks the Minister of Finance to state the amount of outstanding debt incurred by the Federated Malay States since 1935 and how it was repaid.

The Minister of Finance (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meminta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, the amount of debt still outstanding incurred by the Federated Malay States since 1935 is \$34,285,714. The amount was secured by the issue of Government stocks in 1935 at 3% per annum interest. The loan is funded and therefore provided with a specific sinking fund for its redemption. The Federal Government is contributing about 1.2% of the total loan to the sinking fund annually. The loan will be redeemed in 1970.

EXPENDITURE ON THE TENTH MERDEKA CELEBRATION AND AMOUNT SPENT BY EACH STATE OF MALAYSIA

14. Tuan Kadam anak Kiai [under S.O. 24 (2)] asks the Minister of Finance how much money was spent for the 10th Merdeka celebration, and how much were allocated to, and spent by each State in the Federation.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meminta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, the estimates of expenditure approved for the celebrations in the Federal capital amounted to \$943,492, but the actual expenditure has not yet been finalised. All expenditure in connection with the celebrations in the Federal capital is met from a trust fund made up of a Federal Government contribution of \$300,000 and donations from the public.

No allocation was made from the trust fund to any of the States. The costs of the celebrations in the States were borne by the State Governments themselves. From the information so far received by the Federal Treasury, the expenditures incurred by Perak, Pahang, Perlis, Kedah, Malacca, Kelantan, Negeri Sembilan, Sarawak, Trengganu, Penang and Sabah are as follows:

Perak	\$18,235
Pahang	60,000
Perlis	1,644

Kedah	29,169
Malacca	20,000
Kelantan	3,000
Negeri Sembilan	8,000
Sarawak	19,500
Trengganu	30,000
Penang	46,618
Sabah	39,804

bagi tiap² satu pound dalam tahun 1966. Ada kemungkinan sekarang ini, bahawa harga getah bagi tahun 1967 akan jatuh kepada lebih kurang 50 sen bagi tiap² satu pound. Dengan itu boleh-lah di-nyatakan dengan jelas-nya bahawa eksport getah dari Malaysia sa-banyak 1 juta ton kalau di-pertimbangkan dengan harga pukol rata tahun 1969 ia-itu 66 sen bagi tiap² satu pound.

Information on the expenditure incurred by the remaining States of Malaysia is not available yet.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa-kah pembahagian wang untuk menyambut Merdeka 10 tahun ini di-bezakan². Kenapa-kah tidak disamakan mengikut tiap² sa-sabuah Negeri?

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, the expenditure in the States is borne by the State Governments concerned and the Federal Government has got no say, in fact, in the matter.

JUMLAH KERUGIAN MALAYSIA DALAM PERTUKARAN WANG LUAR NEGERI AKIBAT DARI TURUN-NYA HARGA GETAH

15. Tuan Mustafa bin Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kewangan berapa-kah jumlah kerugian Malaysia dalam Pertukaran Wang Luar Negeri akibat dari turun-nya harga getah baharu² ini; dan apakah langkah² yang di-buat untuk menjaga harga getah kita.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang di-alami oleh Malaysia dalam pertukaran wang asing, akibat dari turun-nya harga getah baharu² ini boleh di-pertimbangkan dalam beberapa chara. Malaysia sekarang ini mengekspot getah sa-banyak satu juta ton sa-tahun dan turun-nya harga getah sa-banyak satu sen bagi tiap² satu pound berma'ana bahawa kita akan mengalami kerugian sa-banyak 22 juta ringgit sa-tahun. Harga pukol rata bagi semua peringkat getah yang di-ekspot di-Malaysia telah jatuh pada \$1.06 sen bagi tiap² satu pound dalam tahun 1960 kepada 66 sen

Jumlah eksport ini akan membawa hasil tambahan sa-banyak \$352 juta, kalau di-pertimbangkan pula dengan harga pukol rata pada tahun 1960 ia-itu \$1.06 sen bagi tiap² satu pound, eksport getah Malaysia sa-banyak 1 juta ton akan membawa hasil tambahan sa-banyak \$1,232 juta pula. Jumlah² yang telah di-adakan di-atas ini, menilaikan berapa besar-nya kerugian yang kita telah mengalami akibat merosot-nya harga getah.

Yang Berhormat ingin juga mengetahui atas langkah² yang telah di-ambil untuk menjaga supaya harga getah tidak merosot. Soalan ini telah di-jawab apabila saya membentangkan usul untuk menubuhkan Government Rubber Trading Trust Account dua hari yang lalu dan tidak ada apa² lagi yang hendak saya sebutkan.

INTEREST ON GOVERNMENT OF MALAYSIA BONDS ISSUED IN LONDON

16. Tuan C. V. Devan Nair (*dengan izin*) asks the Minister of Finance to explain why the recent issue of £7.5 million Government of Malaysia bonds was floated in the London market at the exorbitant interest of 7½%, considering that all local stocks floated by the Government bear only 5½% interest.

Tun Tan Siew Sin (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the Honourable Member should appreciate that the rate of interest is the price that one pays for money and the price of money, like that of any other commodity, is largely determined by supply and demand. He should appreciate also that rates of interest for money vary as between different international markets. If one wishes to borrow money in the London market, one has to pay the current

price for money in that market. The interest rate for a loan raised in London cannot, therefore, be compared to the rate applicable to loans raised at home.

The only criterion as to whether the rate of interest that the Government had to pay in the London market is exorbitant or not, is to compare it with the rates that others pay in that same market. In 1963, the Government raised a loan in the London market at an interest rate of 6½%, which was 1.6% higher than the yield obtainable on a comparable United Kingdom Government security. In October, 1967, when we paid 7½%, the margin over a comparable United Government security was only 0.7½, thus indicating that Malaysia's standing in the London capital market has considerably improved since 1963. Two other Commonwealth countries, both of which have build up a good reputation in the London market over a period of many years, also raised loans in that market recently and the yield to lenders in both loans was also over 7% per annum.

The Honourable Member should be aware that there is a world-wide shortage of capital and the fact that Malaysia was able to borrow funds in the open market abroad is an indication of her excellent financial standing overseas. I can assure the Honourable Member that the rate of interest of 7½% per annum for a loan of up to 15 years, under existing market conditions in London and elsewhere, is not an exorbitant price to pay for our continued economic development.

Tuan C. V. Devan Nair: Would it be possible, Sir, that Malaysia's standing in the London capital market is, perhaps, due to the fact that we agreed to pay such exorbitant rates of interest?

Tun Tan Siew Sin: The Honourable Member understands the procedure for determining the rates of interest in overseas markets, including London. The rate is only determined at the last minute and the assessment is made on the rate which is likely to attract lenders and nothing is fixed until the last minute. So, we have to be flexible in

these matters and, as I have tried to indicate previously, the rate is really determined by supply and demand and other factors such as the credit standing of the potential or proposed borrower.

Tuan C. V. Devan Nair: I do not want to sound difficult, but can we have an assurance that the Government would endeavour to look into the possibility of getting loans from other sources where the interest would be less? Perhaps, a similar amount could have been raised locally for a lower interest.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, I can give the assurance that the Government will try to raise overseas loans at the lowest interest rate possible, but it must be remembered that under the First Malaysia Plan, there is the intention to raise overseas a sum of \$1,000 million and that accounts for our recent effort in London.

KEHILANGAN BUNGKUSAN² POS DALAM TAHUN 1966 DAN 1967

17. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom :

- (a) benar-kah bahawa ada bungkusan pos berisi jam tangan yang berharga lebih \$5,000 (lima ribu ringgit) telah hilang dari Pejabat Pos Brickfields, Kuala Lumpur, awal bulan Oktober, 1967; dan apa-kah tindakan yang telah diambil untuk mendapatkan balek bungkusan itu;
- (b) berapa banyak-kah bungkusan² pos telah kehilangan dalam tahun², 1966 dan 1967; dan apa-kah langkah² yang di-buat oleh Kerajaan terhadap orang² yang terlibat dalam perkara itu dan berapa ramai-kah yang telah di-dapati salah.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Tali-kom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah benar satu bungkusan yang di-katakan mengandungi jam tangan yang di-sebut berharga \$5,000 telah hilang di-Chawangan Bungkusan, Jalan Brickfields, Kuala Lumpur dalam bulan Oktober, 1967.

Kehilangan itu telah di-laporkan kepada Polis dan siasatan belum selesai lagi.

(b) Daripada jumlah 2,642,952 bungkusan yang di-selenggarakan dalam tahun 1966, 117 telah di-laporkan hilang. Pada tahun ini sa-hingga bulan Oktober, 151 bungkusan telah di-laporkan hilang daripada lebih kurang 2,690,000 bungkusan yang di-selenggarakan. Siasatan telah di-buat terhadap semua bungkusan yang di-laporkan hilang itu, tetapi siasatan itu telah tidak dapat menentukan mana² orang yang bertanggung-jawab terhadap kehilangan itu.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Apakah langkah yang telah di-ambil oleh Kementerian ini ya'ani bagi mencheegah supaya tidak berlaku-nya lagi perkara² yang amat menyedehkan pengirim² barang di-dalam post office itu.

Tun V. T. Sambanthan: With your permission, Sir, the figures that I have given just now showed, Mr Speaker, Sir, that the loss was 170 out of 2,642,000 parcels handled. This brings in a figure of roughly .0004 which in fact is quite low. Even so, the Investigation Branch of the Postal Department is very much on the move in an effort to prevent even this little loss happening.

Dato' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada fahaman saya apa yang di-kehendaki oleh penanya tadi ia-lah, apa-kah langkah pada masa akan datang bagi mengelakkan daripada berlaku-nya kehilangan itu. Saya perchaya mengikut peratus kehilangan 100 lebih, atau pun 140 lebih daripada bermillion² bungkusan itu satu perkara yang boleh di-katakan terlalu sedikit mengikut peratus-nya, tetapi di-dalam perhitongan pekerjaan, kalau boleh kita berkehendakkan jangan berlaku lagi atau pun dapat mengechilkan lagi kejadian kehilangan bungkusan² seperti itu. Apa-kah langkah pehak Kementerian yang akan di-lakukan pada masa yang akan datang bagi mengelakkan daripada berlaku kehilangan barang² itu.

Tun V. T. Sambanthan: As I have said just now, Sir, we do take constant steps of investigation in checking up and have routine checks to see that these losses are brought to a minimum. But in view of the very large number of parcels, it is almost impossible to lift each and every one of these parcels. We follow international procedure in the method adopted for the carrying onward of parcels and we are very much on postal systems with regard to this activity.

CHADANGAN MENGADAKAN PERKHIDMATAN FERI DI-ANTARA MEDAN DAN PULAU PINANG

18. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah Kerajaan puas hati dengan chadangan hendak mengadakan Perkhidmatan Feri di-antara Medan dengan Pulau Pinang, dan jika ya, bila-kah ranchangan itu akan di-laksanakan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, chadangan hendak mengadakan Perkhidmatan Feri di-antara Medan dengan Pulau Pinang itu telah di-datangkan oleh Dr Selossoemardjan, Setia-usaha kepada Menteri Ekonomi dan Perkara² Kewangan, Indonesia sa-lepas Persidangan Pengangkutan dan Perhubungan Negara² Tenggara Asia yang di-adakan pada bulan September tahun 1967. Semenjak beliau mengadakan shor² itu belum ada lagi Kerajaan Indonesia membawakan usul yang tertentu dengan syarat² apa benda-nya yang hendak di-atorkan, sebab itu kami belum-lah dapat membuat apa benda chadangan. Kita harap kalau mereka ada ranchangan² yang baik dan di-bawakan dengan chara rasmi kita suka menimbangkan macham mana ranchangan ini akan dapat di-jalankan dengan sa-berapa segera yang dapat.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Soalan tambahan. Keterangan Yang Berhormat Menteri, saya suka menchadangkan kira-nya ada perjumpaan supaya di-adakan perkhidmatan ferri ini daripada *Bengkalis ka-Dumai*, Indonesia ka-Melaka.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, daripada mana dia punya bandar ini, daripada Melakakah, daripada Kukop-kah, Pontian-kah itu nanti boleh di-selenggarakan, tetapi chadangan dari Indonesia ini belum lagi sampai kepada kita, saya akan ambil ingatan perkara itu.

The Act provides that royalty paid in respect of any crude oil won will be allowed as a deduction in arriving at the chargeable income of a petroleum company if the oil is exported, or will be credited against the assessable tax payable by the company if the oil is consumed at home. The Act further provides that in the case where the royalty is allowed as a deduction and a trade loss is incurred, such loss to the extent that it represents royalty paid will be ignored and will not become available for deduction in computing the chargeable income of the company for any subsequent years. It is proposed to move this limitation to that part of the Bill providing for the crediting of royalty against the assessable tax payable by the company so that Government is ensured of a minimum amount of revenue in the form of royalty, if not of tax.

For the purpose of ascertaining the gross income of the company the value of any exported crude oil chargeable with tax is to be determined by multiplying the number of barrels of that crude oil by the tax reference price per barrel applicable to that crude oil. The Act defines "the tax reference price per barrel applicable to any crude oil" as meaning the posted price per barrel of that crude oil reduced by three types of allowances, two of which are identical with those given in the member States of the organisation of Petroleum Exporting Countries and a third "such special allowances per barrel, if any, as may be prescribed by the Minister from time to time". Representations have been received that this third allowance as provided for in the Act does not afford adequate safeguard to the investment of millions of dollars in exploration and development by a petroleum company in that there is nothing to prevent unilateral action on the part of the Minister to remove or reduce the allowance that has previously been prescribed. Since it is intended that the allowance is to ensure the competitiveness of any Malaysian crude oil that may be found and formula will be used for the purpose

of determining the quantum of the special allowance, if any, to be given, it is proposed to amend the Act by providing for the third allowance to be agreed between the Minister and the petroleum company. The amendment does not in any way commit the Minister in advance to make any particular agreement or in fact make any agreement at all except that if and when an agreement covering the special allowance is made, it will be binding both on the company and the Government for the duration of the agreement.

The Act provides that all intangible expenses for drilling appraisal and development wells whether productive or unproductive incurred by a petroleum company during a basis period in exploration, development and production areas should be allowed as a deduction in computing the adjusted income of the company. The Bill seeks to allow as well the intangible expenses incurred on drilling exploration wells in order to provide an additional incentive for the company to explore as expeditiously and as extensively as possible.

The Act also provides for disputes on posted price of any crude oil to be referred to the Price Review Committee. The Government has accepted the view that disputes on the market value of crude oil which is so very closely related to posted price should be referred to the Price Review Committee instead of the Special Commissioners as provided for under the Act since the latter are not likely to have the requisite expertise. The Act is accordingly amended to provide for this. All other disputes will be dealt with by the Special Commissioners appointed under the Income Tax Act, 1967.

Very strong representations have been received to increase the rate of write off of all qualifying exploration expenditure from 5% to 10% per annum. Whilst it is appreciated that the higher rate is prevalent in some oil producing countries, it is considered that the Malaysian revenue cannot afford this very generous treatment. It is instead proposed to amend the Act

to include all expenditure incurred on the construction of fixed off-shore platform for drilling, production and other petroleum operations as qualifying plant or machinery for the purposes of Schedule 2 to the Act subject to the proviso that such expenditure shall not qualify for the initial allowance of 20% or 40% as the case may be. The period of write off of qualifying machinery or plant under Schedule 2 is 10 years.

Finally, I wish to add that with this Bill, we will not only have reached the final stage for the commencement of petroleum operations in West Malaysia where the indications are that there are reasonable prospects of an oil strike, but will also have uniformity in the fiscal legislation for companies engaged in petroleum operations in Malaysia. The Government has in the past actively pursued a policy of encouraging the oil refining industry in this country. It is now intensifying its efforts towards the discovery of oil by providing a reasonably healthy fiscal climate for the exploration, development and production of oil as embodied in the Petroleum (Income Tax) Act and this Amendment Bill.

Sir, I beg to move.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 24 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**THE REGISTRATION OF
BUSINESSES (AMENDMENT)
BILL, 1967**

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dr Ng Kam Poh: Mr Speaker, Sir, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan saya menhadangkan satu Rang Undang² yang di-namakan, "Satu Act untok meminda Undang² Pendaftaran Perniagaan, 1965", di-bacha kali kedua.

The object of the Bill is to effect changes considered desirable for the efficient administration of the Registration of Businesses Ordinance, 1956 of West Malaysia. One of the changes will reduce the financial burden of owners of businesses. The existing provisions of the Ordinance require the person responsible for a business to display a certificate of registration not only at the principal place of business but also at every branch of the business. The annual fee for a certificate of registration is \$25. It is felt that the financial burden on businesses could be reduced by allowing the owner of a business to display at the principal place of business or at every branch a certified true copy of the current certificate of registration, such a copy being obtainable at a fee of \$1.

The Bill also seeks to amend the references made in Section 6 to the Comptroller of Inland Revenue in connection with estate duty matters. As the post of Comptroller of Inland Revenue will be abolished as a result of the re-organisation of the Inland Revenue Department, it is necessary to change the references to the Comptroller of Inland Revenue in Section 6, to Collector of Estate Duty. This amendment is purely a technical matter.

At present there are no special provisions for either the Registrar or the Public Prosecutor to sanction prosecutions of persons contravening the Ordinance. An amendment is now sought to empower the Registrar or Deputy Registrar to sanction prosecutions for offences other than the more serious offences for giving false information to the Registrar or of resisting or obstruct-

ing an inspector of businesses in the performance of his duties. Sanction to prosecute in the case of the more serious offences will lie with the Public Prosecutor.

Another change is to empower the Registrar to compound before conviction an offence under the Ordinance. Otherwise any contravention of the Ordinance, however trivial it might be, must necessarily entail prosecution of the defaulter.

Sir, I beg to move.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:
Sir, I beg to second.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 8 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan; di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Persidangan di-tanggohkan pada 1.00 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat*)

**THE ROAD TRAFFIC
(AMENDMENT) (No. 2) BILL**

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Rang Undang² yang bernama suatu Act untok meminda Undang² Lalu Lintas tahun 1958 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan pemindaan Undang² yang tersebut di-atas ia-lah untuk mengemaskan lagi satu peruntukan yang telah termaktub di-dalam-nya. Semenjak berapa tahun yang lampau orang ramai serta Persatuan Pekerja² Pengangkutan telah meminta supaya suatu undang² di-buat untuk mengawal jumlah masa bertugas sa-bagai pemandu² kereta² pengangkutan. Perkara ini telah ditimbang dengan kerjasama Kementerian Buroh dan telah di-persetujuan bahawa Kementerian Pengangkutan hendak-lah mengambil tindakan membuat undang² yang berkenaan, tetapi memandag kapada keadaan yang telah timbul di-dalam masa konfrantasi yang baharu² ini yang telah pun sekarang sempurna tamat, tindakan sa-lanjut-nya ka-atas perkara ini terpaksa di-tanggohkan.

Sekarang ada-lah di-fikirkan perlu mengadakan satu undang² bertujuan tidak sahaja untuk mengawal jumlah masa bertugas sa-bagai pemandu² kereta pengangkutan, bahkan juga pemandu² bas dengan bertujuan untuk melindungi orang ramai daripada bahaya² yang timbul bila mana pemandu² tersebut mengalami kepenatan akibat membawa kereta² kenderaan itu dengan lama.

Di-dalam Rang Undang² ini ada-lah juga di-chadangkan untuk menghendaki tiap² orang pemandu kereta tersebut dan tiap² pemegang lesen yang dibenarkan untuk kereta tersebut di-bawah Bahagian (5) Undang² Lalu Lintas tahun 1958 supaya membuat chatitan harian atau "Current Record" yang mengandongi butir² mengenai jumlah masa kerja pemandu² demikian dan juga perjalanan² yang di-buat oleh kereta² tersebut. Pada masa ini Menteri Pengangkutan tidak mempunyai kuasa yang sa-lengkap-nya di-bawah Sekshen 57 (1) Undang² Lalu Lintas, 1958, untuk mengenakan kawalan sa-demikian itu.

Apa yang ada sekarang hanya-lah kuasa yang berkaitan dengan kereta² pengangkutan yang mana ada terchatit di-dalam Sekshen 57 (11) di-dalam Undang² Lalu Lintas. Oleh itu Sekshen 57 dalam Undang² Lalu Lintas ini perlu-lah di-pinda untuk memberikan

kuasa kapada Menteri membuat peratoran² sa-bagai menchadangkan jumlah masa bertugas bagi pemandu² bas juga dan untuk mengenakan syarat² perkhidmatan ka-atas pemandu² tersebut.

Memandag kapada hal bahawa jumlah kereta² pengangkutan serta kereta² Perkhidmatan 'Awam telah tinggi dan juga bahawa kemalangan² jalan raya kerap berlaku, kawalan ka-atas jumlah masa kerja dan syarat² perkhidmatan ka-atas pemandu² ini sangat-lah perlu. Perlu di-nyatakan bahawa pindaan yang tersebut di-atas ada-lah sa-mata² untuk memberi kuasa 'am kapada Menteri untuk membuat peratoran² kelak. Sa-belum apa² peratoran² mengenai hal ini di-buat dan di-kuat-kuasakan, perundingan² terlebih dahulu akan di-buat dengan Pesuruhjaya Buroh, serta wakil² penyenggara kereta² pengangkutan dan kereta² Perkhidmatan 'Awam, seperti Kesatuan² Pekerja Pengangkutan dan persatuan "Pan Malayan Road Transport Operators" sa-lepas ini, baharu-lah peratoran² tersebut di-ishtiharkan di-dalam Perishtiهران Undang² untuk di-kuat-kuasakan.

Dengan pindaan tersebut di-atas kelonggaran yang terdapat dalam Sekshen 57 Undang² Lalu Lintas ini dapat-lah di-perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohonkan supaya di-luluskan bacaan yang kedua Rang Undang² ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar)
(*Dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I rise in support of this Bill. Over the years the Honourable Minister of Transport has put in a lot of effort, a lot of his time and a lot of his energy, in trying to improve the road transport system in this country, and I am sure that all of us agree that our road transport system, whether by road, by railway or by air, is among the best in the world. In this we owe a tremendous lot to the Honourable Minister, who has done very much. There is not one town, or new village, or kampong, which cannot be reached as long as there are roads.

In this respect, Mr Speaker, Sir, as we develop and as more towns and new villages and kampongs are inter-linked, the development and expansion of the taxis and bus services have progressed tremendously. However, there is a new aspect of the situation which has developed in Kampar as well as in many other parts of West Malaysia. Here, I would like to refer to the case of the unlicensed taxi operators numbering about 80 in Kampar, who are providing a helpful and necessary transport service between Kampar and its outskirts. These operators, Mr Speaker, Sir, in a way, have done much in the way of linking one town with another town or one kampong with another kampong which have not been served adequately with a good public transport service in the form of buses or taxis. But for some reason or other, the unlicensed taxi operators can never get this position regularised. Recently, these people have been subjected to severe police prosecution and, as such, they are unable to find a decent living by using their own sweat and their own toil, and with our present economic situation, this is not a good thing to do, because this will create greater unemployment, which will worsen the peace and stability and the security of this country. One must remember the invaluable and efficient services which these unlicensed taxi operators have provided and they have helped in the improvement and expansion of our economic position and road transport, particularly in the rural areas. For instance, in Kampar, from my own practical knowledge, these unlicensed taxi operators help the *dulang* washers, the rubber tappers and the boring teams and workers to move to their places of work and employment (with a very small payment) which taxis and buses do not serve. I hope the Honourable Minister and members of the Road Transport Licensing Board will take a more reasonable, realistic and more logical stand towards the unlicensed operators and see to it that as many unlicensed taxi operators as possible are given licences in all genuine cases. Mr Speaker, Sir, I do not think this is asking too much,

because it is my humble opinion that this is a fair, reasonable and equitable request. Let all licences be given on the basis that those who drive the taxis themselves should be given the first choice.

Mr Speaker, Sir, I would like to propose that the Honourable Minister should take immediate action to set up a special committee to look into this specific problem of the unlicensed taxi operators. Therefore, pending this report and its recommendation, I do not think it is asking too much to call for a suspension of all police actions against the unlicensed taxi operators throughout this country, particularly in the rural areas. I say this because of the invaluable services these people provide and which the Government is unable or helpless to do. This is a very simple issue, because to my mind the majority of the unlicensed taxi operators are never given the licences to operate legally. Somehow or other, these people are left out and thus their problem continues to grow and is never solved. That is why, Mr Speaker, Sir, you see more and more unlicensed taxi operators in circulation and also, because of the low price of rubber and unfavourable economic situation, these people have got to find a living and driving a taxi is perhaps the best they can do. Thank you, Sir.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Road Traffic bagi pindaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tadi.

Saya chuma hendak mengambil bahagian dalam perbahathan ini ia-itu mengalu²kan Rang Undang² ini supaya dapat di-laksanakan, erti-nya sudah wajar-lah di-kuat-kuasakan bagi menjaga keselamatan jiwa orang ramai, menjaga keselamatan jiwa pemandu² kenderaan, maka dengan itu mungkin kekurangan berlaku kemalangan di-jalan raya dalam negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya sangat bersimpati atas pindaan Rang Undang²

ini memberi had masa tugas sa-saorang pemandu, sama ada pemandu motokar, bas dan lori², sebab di-masa yang lalu terutama sa-kali lori² yang membawa bahan² yang berat² dan juga jentera yang besar² mereka bekerja hingga 24 jam, sa-hingga 23 jam, tidak menghiraukan keselamatan nyawa-nya, mereka yang utamakan pendapatan yang di-dapati daripada usaha yang di-buat daripada menjadi pemandu. Jadi saya mengharapkan umpama-nya kalau pemandu bas yang di-borong oleh penyewa² penduduk² luar bandar pergi ka-suatu tempat dengan lawatan sambil belajar, sayugia di-berikan masa kepada pemandu itu dan dia boleh memandu bas itu hanya 12 jam. Bila 12 jam lagi mereka mesti berhenti, bagi dia rehat dan di-sediakan satu pemandu reserve, kalau perjalanan itu sampai 24 jam. Jadi, dengan itu keselamatan orang ramai, penumpang dalam bas itu dapat terjamin demikian juga keselamatan pemandu itu.

Lagi satu, Dato' Yang di-Pertua, menurut pandangan saya satu daripada puncha yang boleh menjadi kemalangan kepada kereta² termasuk juga motosikal dengan sebab pemandu kenderaan ini umur-nya telah tua. Jadi pada masa yang akan datang, saya berpendapat sa-saorang pemandu yang hendak di-luluskan lesen-nya hendaklah mereka itu umur-nya ka-bawah daripada 60 tahun. Kalau sudah berumur 60 tahun, dia sudah nyanyok, kadang² mata-nya tidak nampak waktu hujan—waktu gelap.

Yang kedua-nya saya berdasarkan kesihatan sa-orang yang hendak di-luluskan lesen itu, kalau pehak Lembaga Pelesen itu ragu² kesihatan orang itu pada segi kesihatan badan-nya dan pada segi mata-nya, sayugia dinasehatkan dia supaya mengambil pepereksaan doktor. Sa-telah di-sahkan oleh doktor orang ini sehat, mata-nya baik, baharu-lah kita beri lesen untuk mereka memandu kenderaan.

Yang akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, satu perkara saya minta perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini, ini juga yang boleh menyebabkan banyak-nya

kemalangan jalan raya ia-itu ada sa-tengah² motosikal, motokar mereka gunakan di-ladang² yang besar tetapi mereka tidak ada lesen. Yang kita susah hati, Dato' Yang di-Pertua, motosikal, motokar ini kadang² dia menchuri masok ka-jalan raya Kerajaan, bila mana berlaku kemalangan mereka tidak ada lesen, dan tidak ada insurance bila kita hendak kemukakan—hendak di-bawa ka-balai polis tidak boleh, atau kadang² mereka yang kena kemalangan ini dia tidak mahu pergi di-adukan ka-balai polis. Hal ini, Dato' Yang di-Pertua, telah berlaku di-kawasan saya sa-orang orang Tionghua, ada mempunyai motosikal, motosikal-nya tidak ada lesen, tetapi dia gunakan dalam Estate, tiba² berlaku satu kemalangan dia jatoh, bila jatoh mati tinggal bagitu sahaja dan ini pula boleh mengurangkan satu tudohan sama ada benar, atau tidak benar motosikal yang macham ini beratus² di-estate yang besar², motosikal yang besar² ini dia kata dia boleh jalankan di-jalan raya Kerajaan, dia ada kerjasama dengan balai² polis dekat situ. Jadi hal yang macham ini kalau kita perhatikan kekurangan kemalangan jalan raya dapat kita atasi dan hasil pula kepada Kerajaan, kepada Kementerian di-perolehi. Itu sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penoh Undang² ini yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Dengan izin Tuan, saya berchakap dalam bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, this Bill is long overdue. In our country, the rate of accidents has been rising. We hear every day that there are more and more people who either get killed or injured, particularly by public service vehicles, such as taxis, lorries and buses. In some cases the drivers had been reckless, but in some cases the drivers had been exploited by the owners of those vehicles and in some other because the drivers themselves own the vehicles, they would like to make as much effective use of the vehicles as possible during the day. As a result of these

factors and some other causes, our innocent road-users, particularly pedestrians and ordinary car drivers, and even careful drivers of vehicles, are subjected to injuries through no fault of their own.

Therefore, I do hope that when this Bill comes into operation, the Minister will apply it without fear or favour. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Dewan ini kita biasa mendengar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berucap mengatakan Kementerian-nya akan menyiasat sama ada carburettor kereta² itu boleh di-pinda dan di-lengkapi dengan alat² untuk memperlahan²kan perjalanan kereta² itu. Telah kenyataan itu di-buat kita sedang ternanti² hendak melihat kereta² yang di-jalan² raya berjalan mengikut had laju-nya oleh kerana pindaan ka-atas carburettor-nya, tetapi malang-nya kereta² itu pada masa sekarang ini berjalan dengan deras juga dan bilangan kemalangan² di-jalan raya tidak-lah berkurangan. Barangkali dalam meshuarat ini kita boleh mendengar penerangan Yang Berhormat Menteri itu apa-kah yang terjadi kepada experiment-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat² menyokong atas pindaan Rang Undang² yang di-hadapan kita ini. Sa-lain daripada bahaya² oleh kerana lori² dan teksi² dan bas² di-jalan raya di-negeri kita ini oleh sebab mereka itu di-pandu dengan deras pada masa memandu, kita pada masa memandu kereta sendiri tidak berasa seronok dengan kerana perbuatan laju-nya kereta² yang lain itu telah pun memberi satu perasaan ngeri, gerun dan takut pada masa kita memandukan kereta private kita sendiri. Juga memberi takut dan ngeri kepada penunggang² motosikal, basikal, dan orang² yang berjalan kaki di-jalan raya itu.

Kita tidak dapat memastikan sa-takat mana-kah kesan² yang telah pun di-dapati di-atas pindaan undang² yang baharu² ini di-buat yang membolehkan pegawai² di-dalam Bahagian Satu

membuat pengaduan² ka-atas mana² pemandu lori, atau bas² yang menjalankan lori² atau bas²-nya lebeh daripada had laju kereta² itu. Tetapi oleh sebab kita telah pun mendapati Bill ini di-kemukakan, maka nampak-nya pindaan yang di-perbuat pada masa yang lepas ka-atas Undang² Lalu Lintas itu tidak memberi kesan yang banyak.

Dalam merangkakan syarat² kerja untuk derebar², saya berharap Yang Berhormat Menteri itu mengambil pertimbangan ka-atas trip² yang patut di-hadkan ka-atas sa-sorang pemandu. Lazim-nya kerana derebar² itu berkehendakkan lebeh trip² untuk membawa muatan² yang lebeh, maka ia memandu kereta-nya deras, tidak hirau kepada keselamatan, bukannya untuk orang lain sahaja, bahkan untuk diri-nya sendiri. Oleh yang demikian, alang-kah baik-nya jika di-adakan syarat ia-itu jika mana² majikan yang membayarkan upahan, atau gaji kepada pemandu² yang di-gaji di-atas kiraan trip, maka perbuatan itu hendak-lah di-tetapkan sa-bagai satu kesalahan dan majikan itu boleh di-hukum dan di-denda.

Sa-lain daripada itu, saya suka mengshorkan jika mana² derebar kereta perkhidmatan ramai yang di-dapati salah lebeh daripada tiga kali kerana memandu lebeh laju daripada yang di-hadkan, maka boleh-lah mahkamah menimbangkan sama ada hendak menahan derebar yang berkenaan itu daripada memandu lori-nya atau kereta-nya atau pun bas-nya untuk beberapa bulan yang patut. Jika di-perbuat bagini, Tuan Yang di-Pertua, maka sudah tentu-lah derebar² itu akan berjaga² dan tidak dengan sa-wenang²-nya memandu dengan deras-nya kerana soal nafkah-nya ada-lah terbabit.

Saya suka mengeluarkan satu fikiran lagi ia-itu hendak-lah di-sharatkan di-dalam undang² dengan membuat pindaan tambahan, jika mana² derebar kereta public service di-adukan di-dalam mahkamah kerana memandu terlampau laju, maka majikan-nya hendak-lah bertanggung-jawab walau pun majikan-nya itu tidak tahu menahu

atas perbuatan salah derebar-nya, ia itu mensyaratkan *absolute vicarious liability*. Dengan chara ini pada fikiran saya majikan² akan berhati² memilih pemandu²-nya ia-itu yang bertanggung-jawab sahaja. Sa-masa itu bagi pehak pemandu ini pula ia akan lebeh berjaga² kerana takut melibatkan majikan-nya yang boleh jadi ia akan dibuang kerja oleh majikan-nya. Chara ini juga akan merentikan perbuatan mana² majikan yang memerentahkan, oleh sebab berkehendakkan laba yang lebeh, derebar²-nya berjalan deras dan ia berpura² tidak tahu jika derebar-nya kena hukum denda. Majikan-nya akan membayar di-dalam keadaan² saya sebutkan ini.

Pada fikiran saya langkah² yang saya shorkan ini jika di-ambil tidaklah boleh di-katakan kasar, atau keras. Kita hendak-lah memikirkan kejadian² kemalangan² jalan raya yang menjadi² yang tidak kurang bilangan-nya oleh di-sebabkan kerana derebar² memandu kereta mereka dengan deras-nya.

Kita berharap juga moga² Kementerian Pengangkutan bersegera mengadakan segala alat² dan pegawai² untok membolehkan mana² orang yang mendapat kemalangan di-atas jalan raya yang mana kereta yang terlibat itu tidak di-tanggunggi oleh mana² insuran supaya orang yang terchedera itu mendapat imbohan saperti yang sa-patut-nya; undang² untok itu telah baru di-luluskan, sa-kadar menunggu pelaksanaan-nya.

Kita juga berharap moga² Kementerian Pengangkutan menyemak dan memperbaiki atas kelambatan orang² yang mendapat kemalangan jalan raya menerima imbohan² yang mereka itu patut terima dari Insurance Companies. Saya biasa berchakap dalam perkara ini telah beberapa kali.

Mahkamah² Tinggi yang membicharakterkan kes² itu lazim-nya akan mengambil masa yang panjang. Di-dalam masa yang panjang itu saksi² akan hilang, ada yang mati, ada saksi² terlupa akan keterangan² yang hendak di-keluarkan. Boleh jadi yang chedera itu kalah case-nya sunggoh pun sa-

patut-nya ia menang jika di-bicharakterkan dengan segera. Ada kala-nya insurance² company yang tidak bertanggung-jawab, yang hanya menchari helah dan daya mengelakkan pembayaran. Mereka menunggu hingga hendak membicharakterkan case itu, baharu-lah hendak di-buat penyelesaian. Belanja perbicharaan di-dalam Mahkamah Besar sangat mahal pula dan jika simalang itu kalah bichara-nya dan ia terkena bayar kerugian bichara pula—jatoh tangga di-timpa tangga. Oleh sebab² ini-lah orang² yang chedera itu lazim-nya membuat selesai case-nya dengan harga imbohan yang tidak sesuai dengan chedera, atau kerugian yang menimpa ka-atas-nya. Dengan demikian maksud Kerajaan mewajibkan ada Insurance Policy, Third Party Risk, bagi tiap² kereta itu tidak mendapat faedah yang sa-penoh²-nya.

Oleh itu kita berharap moga² Kerajaan menimbangkan mengadakan satu board yang di-tugaskan sa-mata² menyelidik dan memutuskan dengan segera sama ada mana² satu Insurance Company itu bertanggung-jawab di-atas satu² kemalangan dan menghukumkan berapa banyak imbohan yang kena di-bayar. Kuasa itu hendaklah di-pindahkan daripada Mahkamah kepada board ini demi untok memberi pertolongan kepada orang² ramai yang mendapat kemalangan itu dengan segera istimewa pada orang² miskin yang tidak berdaya hendak menunggu masa yang panjang dan yang tidak berdaya mengadakan wang modal untok menjalankan tuntutan-nya di-dalam Mahkamah saperti yang sedang di-jalankan sekarang.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sudahi dengan ucapan berbanyak² terima kaseh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, terutama sa-kali saya menguchapkan sa-tinggi² kaseh kepada Yang Berhormat wakil daripada Kampar yang memuji sistem pengangkutan dan jalan² raya, atau pun keretapi dan udara. Memang-lah sebab kita ini mengadakan kenderaan bila² di-adakan banyak orang²-nya yang hendak menggunakan, atau banyak

barang²-nya kita hendak adakan lori tidak-lah open door macham sa-tengah² negeri terlampau banyak, beribu teksi, beribu lori, akhir-nya berlawan berniaga semua-nya terlingkup. Oleh kerana itu tentang permohonan-nya menimbangakan akan 80 mereka² yang sekarang ini menjalankan teksi² sa-chara haram ini, saya sa-benar-nya sudah pun semalam berunding dengan pehak Pesuruhjaya saya akan mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa guna menyelidek dasar² Kerajaan dari pehak polis dan dari pehak social reform. Maka perkara ini di-mana² pun ada teksi² haram ini, baik di-England, di-Amerika, di-Tokyo, di-mana² ada—the question of degree. Maka kena-lah dia balek ka-Kampar, sabar dahulu, saya akan siasat sa-berapa yang boleh yang kita hendak ikhtiarkan bagi peluang kepada mereka dengan apa chara dan jalan juga, tetapi hendak buat sertamerta tidak boleh, kalau kita hendak bagi 80 di-Kampar, di-mana mata pencharian teksi² yang sudah ada dan bas² di-sana. Jadi ini kena-lah saya merundingkan dengan Jawatan-kuasa yang telah pun saya bentuk dan berbanyak terima kaseh atas chadangan-nya itu.

Berkenaan dengan wakil Yang Berhormat daripada Muar Utara, saya ucapkan terima kaseh tentang pandangan²-nya itu, tetapi kalau orang yang berumur 60 tahun tidak boleh lagi membawa kereta ini nampak-nya bertentangan dengan peratoran dunia. Saya memang-lah setuju adakan peperiksaan doktor, kerana yang bekerja dengan Kerajaan pun sekarang umur 55 tahun patut penchen sudah dilanjutkan sampai 60 tahun, tetapi ada kala orang yang umur-nya 60, 80 tahun lebeh kuat lagi kalau di-bandingkan dengan orang yang berumur 50 atau 40 tahun. Maka tentang chadangan-nya itu memang elok saya akan siasat kerana dalam undang² ini ada, sekshen 29 (3)—“Sa-siapa yang ada lesen pemandu apabila dia dapati tidak chukup kesihatan membawa kereta dia kena serah” Kalau tidak serah, kalau Yang Berhormat wakil daripada Muar Utara ini tahu orang ini tidak mahu serah, dia report, Registrar boleh periksa dan panggil,

kalau betul dia tidak ada chukup kesihatan membawa kereta, merbahya, kita boleh ambil balek driving lesen-nya. Ini kita ada kuasa.

Berkenaan dengan lori² saya dapat tahu driver² lori, driver² bas—commercial vehicles—pemandu²-nya mestilah hendak lulus kesihatan daripada doktor, kalau tidak tidak di-bagi lesen² memandu kereta², kerana membawa orang ramai.

Berkenaan dengan motor cycle tidak berlesen dalam estate² ini, ini saya kena-lah berunding dengan pehak Polis dan pehak pegawai² Registrar dalam tiap² buah Negeri supaya dapat mengurangkan kemalangan² yang berjadi dengan sebab sa-tengah² ini tidak ada lesen, tentu-lah tidak ada siapa yang boleh menda'awa—mati anak ayam sahaja. Oleh sebab itu Kerajaan sudah pun menguruskan Undang² Pindaan Insurance Bureau. Patut saya memberi penerangan pada petang ini, tetapi malang-nya ada lagi legal technicalities belum sempurna, jadi sa-berapa lekas rundingan² antara Insurance Companies dengan Pesuruhjaya Insurance sudah sempurna, saya akan beri-lah penerangan yang lanjut.

Berkenaan dengan orang² yang langgar dengan tidak ada insurance itu, dapat-lah mengadu kepada Insurance Bureau ini.

Bagitu juga saya ucapkan banyak terima kaseh kepada wakil daripada Bukit Bintang. Kita tahu-lah bandar yang paling banyak kemalangan ia-lah Ibu Kota, Kuala Lumpur ini. sebab itu kita ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada pehak Polis Lalu Lintas yang mengambil tindakan sa-kali sa-kala menyekat motor² cycle yang laju² ini—reckless motor cyclist—dan juga pehak kereta² yang menjalankan dengan laju di-dalam bandar² itu. Saya berharap pehak orang ramai akan memberi kerjasama-lah dengan Majlis Keselamatan Lalu Lintas yang mana saya telah menganjorkan campaign besar²an baharu² ini. Saya berharap kita akan mengadakan lagi dan akan mendapat sokongan penoh daripada orang ramai.

Dan saya ucapkan juga kepada Yang Berhormat wakil daripada Sungai Petani. Banyak perkara yang di-sebutkan tetapi yang saya minta pindaan ini chuma satu bab sahaja berkenaan dengan menghadkan waktu pemandu² yang membawa kereta² perdagangan macham bas, lori dan teksi. Jadi walau macham mana pun saya ada mengambil ingatan segala² yang diterangkan tadi berkenaan cubberator. Saya sudah terangkan banyak kali sudah.

Berkenaan dengan cubberator ini tidak perektikel, kalau di-sekat cubberator itu hanya boleh lari had 30 batu sa-jam sahaja, atau 50 batu sa-jam, apabila naik gunung-ganang, negeri kita banyak gunung-ganang, dengan berat lagi lori membawa balak yang berpuloh² tan itu, dia bukan-nya maju, dia mundur melanggar pula kereta Yang Berhormat itu—saya pula kena da'awa. Jadi itu tidak perektikel. Oleh sebab itu tidak perektikel kita hendak mengadakan satu chara yang sudah pun di-siasat sa-halus²-nya—teko meter. Ini di-pasang di-dalam kereta² dan di-sambungkan kepada engine itu. Jadi dia tahu jalan beberapa meter dia ada register di-situ—automatic registration.

Saya dapat tahu sa-masa saya melawat di-Bangkok, tuan² punya lori disana telah pun bersetuju mengadakan teko meter itu. Maka kalau lori itu melanggar dalam 5 minit kita tahu, berapa jauh, berapa laju dia lari dengan sendiri tidak boleh buka, dia record automatic. Ini sudah di-rundingkan chuma mushkil-nya sadikit lagi tentang law of evidence. Yang Berhormat dari Sungai Petani ini tahu sa-bagai sa-orang peguam kalau teko meter ini—self-recording itu belum lagi di-pinda undang² boleh di-terima di-dalam Mahkamah tidak boleh kita bawa ka-dalam Mahkamah, kerana tidak masok dalam law of evidence. Ini yang sedang di-selideki daripada pehak Peguam Negara dan kita sedang siasat lagi perkara ini, sabar-lah dahulu, tetapi itu pun kami meminta kerjasama dengan pehak polis sekarang ini ada highway lalu lintas yang kereta Holden ada dia punya rodar, speed trap, tetapi barangkali

oleh kerana Kerajaan kekurangan wang hari ini tidak dapat mengadakan banyak bilangan hendak mengadakan kereta² yang hendak menchegeh di-mana² tempat dan kawasan kereta² lari laju itu.

Berkenaan dengan absolute liability, atau pun yang di-chadangkan tadi tuan punya lori² ini sebab dia biasanya menghasut, atau pun memberi trip elaun, atau pun baksis² kerana banyak kali-nya banyak duit-nya, kalau ada keterangan, dia boleh di-hukum, di-bicharakan di-mahkamah. Saya sudah tiap² kali sudah beri amaran ini, dan kalau dapat sokongan daripada Ahli² Yang Berhormat dalam Rumah Yang Berhormat ini dalam tahun ini juga kita akan siapkan undang² itu, tetapi bukan-lah hendak di-hukum-nya orang itu! Tidak. Lori² tuan punya itu kiranya ada keterangan penoh dia sabenar-nya memberi hadiah² kerana trip² itu, maka perkara itu boleh menyebabkan di-cancel lesen-nya, dengan sebab²-nya tetapi bukan-lah tuan punya lori itu di-hukum; itu tidak adil. Nanti kalau boleh tuan lori itu di-hukum, Yang Berhormat dan saya juga, driver saya langgar orang, dia buat salah, saya pun kena hukum, fasal apa pula ini? Criminal law tidak ada liability. Itu, siapa buat dia tanggung, tetapi kalau buat condition (sharat) di-beri permit, tetapi kalau driver dia, atau dia membuat lima kali-kah, tiga kali melanggar sharat² itu, maka kita boleh menarek balek—revoke the permit on the condition because they broke the condition.

Berkenaan dengan hendak adakan Board, ini perkara yang besar barangkali Yang Berhormat sa-bagai peguam mesti faham benda ini. Kita tidak boleh ambil the right of every citizen according to the Constitution. Macham bagaimana Tunku sudah menjawab tentang Kerajaan Malaysia tidak boleh hendak menuntut Kerajaan Jepun, sudah ada perjanjian itu, tetapi tiap² sa-orang Malaysian, mengikut Perlembagaan, tidak boleh di-sekat dia punya civil right. Maka kalau pun hendak di-adakan itu, kita boleh setujukan di-dalam Insurance Bureau mana family² barangkali yang tidak

sanggup lagi hendak tunggu lama² pergi mahkamah bagitu bagini di-rujukkan kepada Insurance Bureau ini atas damaian beberapa yang patut, dia boleh-lah setuju, tetapi kalau hendak ambil dia punya right of citizen, tentu-lah satu perkara yang bertentangan dengan Constitution, tetapi dalam pada itu saya akan mengambil ingatan kita akan rujukkan kepada Peguam Negara nanti. Terima Kasah.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE MEDICAL REGISTRATION (SARAWAK) (AMENDMENT) BILL

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman:

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormat-nya menchadangkan supaya Rang Undang² yang bertajok "Sa-buah Undang² bagi memindakan Undang² Pendaftaran Perubatan Bab (112) Sarawak, dalam bahasa Inggeris-nya "An Act to Amend the Medical Registration Ordinance (Cap. 112)) of Sarawak," di-bacha buat kali yang kedua.

Pindaan yang di-chadangkan ini ada-lah menurut sa-berapa dapat-nya butir² yang tersebut di-dalam Pendaftaran Perubatan Pindaan tahun 1966 yang di-gunakan di-dalam Malaysia Barat yang telah di-luluskan oleh Dewan ini dalam meshuarat-nya pada bulan March tahun 1966.

Rang Undang² ini memohon untuk di-pindakan butir² yang tersebut di-

dalam sekshen (5) Undang² Pendaftaran Perubatan Bab (112) Sarawak atau sekshen (5) of the Medical Registration Ordinance Cap. (112) Sarawak untuk membolehkan ra'ayat Persekutuan yang memiliki ijazah luar negeri sa-lain daripada ijazah yang di-terima mengikut sekshen (5) (1) (b) Undang² itu di-daftarkan sa-bagai Pegawai² Perubatan dengan chara berikut:

- (a) jika sa-telah tiga tahun menjalankan perkhidmatan yang baik dengan Kerajaan dan mereka di-aku² sa-bagai layak oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak; atau
- (b) jika mereka lulus pepereksaan yang telah di-sahkan oleh Lembaga Perubatan Sarawak.

Dengan pindaan ini akan memberi peluang kepada doktor² yang menjadi warganegara Malaysia yang mempunyai ijazah² perubatan luar negeri akan berpeluang menjalankan perniagaan sendiri sa-lepas pepereksaan, atau pun berkhidmat dengan Kerajaan mengikut masa yang di-tentukan, dan sa-lepas itu menjalankan perniagaan bersendirian. Di-sebabkan kekurangan doktor² perubatan di-negeri Sarawak, ada-lah di-harapkan dapat banyak lagi doktor² Malaysia yang mempunyai ijazah² perubatan luar negeri daripada universiti² yang tidak di-i'tirafkan itu akan balek dan berkhidmat dengan Kerajaan Sarawak.

Tuan, saya mohon menchadangkan.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagi Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

PENANGGOHAN (USUL)

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan ia-itu pertimbangan atas baki urusan dalam Atoran Majlis Meshuarat hari ini di-tanggohkan dan Majlis ini di-tanggohkan sekarang.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Mr Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi besok.

Dewan di-tanggohkan pukul 4.55 petang.